

18 MAR 1996

Mahathir - Ekonomi (Bergambar)

DASAR MALAYSIA KUNCI BAGI KEJAYAAN EKONOMI

KULIM, 18 Mac (Bernama) -- Dasar Malaysia yang mempelawa penyertaan asing dalam ekonomi membolehkannya menubuhkan Taman Perindustrian Berteknologi Tinggi yang pertama di Asia Tenggara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata Taman itu yang digelar sebagai Bandaraya Sains Masa Depan ialah bukti terhadap hubungan rapat antara kerajaan dan sektor swasta selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia.

Kerajaan tidak tersilap dalam tanggapannya terhadap konsep itu dan ini jelas terbukti apabila pendapatan per kapita rakyat meningkat daripada AS\$300 (kira-kira RM800) -- apabila negara mencapai kemerdekaan kepada AS\$4,000 (RM10,800) sekarang.

"Sebenarnya, Malaysia yang memperkenalkan cadangan menawarkan insentif bagi pelaburan asing. Apabila negara lain mengusir pelabur kerana mahu menguasai ekonomi, Malaysia berbuat sebaliknya iaitu menarik penyertaan asing dalam ekonomoi."

Dr Mahathir berkata banyak wang dan tenaga telah dicurahkan bagi faedah pelabur dan kerajaan bersedia memansuh cukai tertentu untuk menarik pelabur.

Ketika mengulas mengenai taman itu yang dibina di kawasan seluas 1,448 hektar di sini, Perdana Menteri berkata beliau mulanya tidak yakin kawasan terpencil seperti Kulim boleh mempunyai taman perindustrian berteknologi tinggi.

Taman itu khusus untuk menempatkan industri berteknologi tinggi lagi canggih membabitkan teknologi terkini.

Ketika berucap, Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff yang juga pengeruysi Taman berkata kerajaan bercadang menjadikan Kulim sebagai pusat kecemerlangan bagi ASEAN terutama dalam bidang industri berteknologi tinggi, penyelidikan & pembangunan dan rekabentuk & kejuruteraan dan latihan teknologi.

Buat permulaan, Kedah-ISR Technology Sdn Bhd -- syarikat usahasama antara Kedah dan Australian Software Development Company -- mendapat kontrak daripada Kementerian Pendidikan Filipina bagi membekalkan perisian dan melatih pekerja Filipina dalam program teknikal.

Taman itu, terletak dekat persimpangan Lebuhraya Utara-Selatan dan Timur-Barat, direkabentuk dengan bantuan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA).

Ia mengandungi tiga fungsi khusus -- industri, kemudahan penyelidikan & pembangunan dan konsep bandar baru dengan kemudahan lengkap termasuk pusat membeli-belah, institusi perubatan dan pendidikan dan kemudahan rekreasi.

Tiga belas syarikat termasuk Kedah Wafer Emas (Hualon Corporation), MEMC Electronic Materials Inc, Fuji Electric, Intel Products (M) Sdn Bhd, Empak dan Pernec diterima untuk mendidikan kilang masing-masing di sana.

Sempena pelancaran, Dr Mahathir dan Osman menyaksikan pemeteraian tiga perjanjian bagi pajakan dan usahasama -- antara MEMC dan Khazanah Holdings, antara MEMC dan Kulim Technology Park Corporation (KTPC) dan antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Universiti Teknologi Malaysia.

Dr Mahathir juga meletakkan batu asas bagi dua kilang perintis milik Intel dan Akashic Kubota technologies Sdn Bhd, kedua-duanya syarikat dari Amerika, di taman itu.

Beliau juga menyaksikan pertukaran dokumen antara KTPC dan Universiti

Sains Malaysia bagi pembinaan Pusat Teknologi Maklumat di taman itu.

Yang turut hadir ialah Ketua menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Kesihatan. -- BERNAMA

RA NH FAZ